

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 17 Tahun 2020

PEKELILING PELAKSANAAN PENGOPERASIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) untuk membendung penularan pandemik COVID-19.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 YAB Perdana Menteri dalam Perutusan Khas pada 7 Jun 2020 telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun hingga 31 Ogos 2020.
- 2.2 Kementerian Pengajian Tinggi, pada 3 Jun 2020 telah mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Operasi Institusi Pendidikan Tinggi Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak COVID-19.
- 2.3 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 17/ 2020 pada 10 Jun 2020 telah meluluskan pelaksanaan pengoperasian UiTM dan panduan tadbir urus semasa Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).
- 2.4 Pekeliling ini dikeluarkan sebagai garis panduan dalaman bagi langkah kawalan untuk membendung penularan pandemik COVID-19. Ketua Jabatan hendaklah mengadakan perbincangan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing bagi menyusun keperluan staf untuk hadir ke pejabat atau bekerja di rumah terutama apabila sekolah akan mula dibuka secara berperingkat yang hanya membabitkan kelas peperiksaan awam. Aspek keselamatan dan kebajikan staf diberi keutamaan pada setiap masa tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan staf dan universiti.

3.0 PELAKSANAAN

Arahan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:

- 3.1 Pelaksanaan ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA (staf tetap/ kontrak/ harian/ *Part Time Full Time/* Pekerja Sambilan Harian).

- 3.2 Semua pengoperasian UiTM perlu mematuhi Panduan Pengurusan Operasi UiTM Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang ditetapkan dan perincian adalah seperti di Lampiran 1.

4.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasa pekeliing ini maka Pekeliling Naib Canselor Bilangan 15 Tahun 2020 berkenaan Pekeliling Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah terpakai sehingga 13 Jun 2020.

5.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 10 Jun 2020.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 14 Jun 2020.

7.0 PEMAKAIAN

- 7.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua **warga** Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.
- 7.2 Pekeliling ini hendaklah **dibaca bersama Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 Jun 2020, arahan atau peraturan lain yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa**.
- 7.3 Kegagalan staf UiTM untuk mematuhi pekeliing ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM
Naib Canselor

Salinan Kepada:
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-UiTM (NC 6/2)
No Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 17